



MEMO PEJABAT MARA INDONESIA/SEGERA

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA
MAJLIS AMANAH RAKYAT(MARA)
Lantai 2, Jabatan Penuntut Malaysia
Jl H.R. Rasuna Said Kav X/6
Kuningan, Jakarta Selatan 12950
INDONESIA.

Telefon : (021) 52920608
Fax : (021) 52920609
HP : 085710447777

Website: <http://www.mara.gov.my>

Website: <http://www.maraindo.gov.my>

Ruj. Kami : PMI/2/2Klt. III (47)

Tarikh: 08 September 2010

SEMUA PELAJAR-PELAJAR TAJAAN MARA DI INDONESIA

Saudara/i,

PERINGATAN: PENGHANTARAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER GENAP 2009/2011

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Seperti mana klausa 4.3 dalam Surat Tawaran Bantuan Pinjaman Pelajaran MARA, saudara/i dikehendaki mengemukakan salinan transkrip keputusan peperiksaan kepada Pejabat ini. Justeru, saudara/i diminta mengumpul transkrip tersebut dan diserahkan kepada wakil *batch*/wakil pelajar MARA di Universitas masing-masing selewat-lewatnya pada **15 OKTOBER 2010**. Seterusnya, bantuan wakil pelajar dimohon untuk menghantar melalui pos ke alamat Pejabat MARA Indonesia. Transkrip tersebut juga boleh dihantar secara individu melalui pos atau dihantar melalui email kepada pegawai-pegawai seperti maklumat dalam www.maraindo.gov.my.

Pejabat ini akan mengambil tindakan menggantung Elaun Sara Hidup sekiranya pelajar tidak mengemukakan transkrip keputusan peperiksaan mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya ada sebarang kemusykilan atau masalah dalam mendapatkannya, sila hubungi dengan segera pegawai-pegawai di Pejabat ini.

Pejabat MARA Indonesia turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada semua pelajar yang telah mengekalkan prestasi akademik yang cemerlang. Walau bagaimanapun, bagi pelajar yang tidak mencapai prestasi yang cemerlang, saudara/i diminta melipat gandakan usaha bagi memastikan penambahbaikan terhadap keputusan peperiksaan akan datang. Langkah ini juga bagi memastikan saudara/i dapat menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan serta mengelakkan sebarang permohonan untuk perpanjangan/*study extension*.

Sekian, terima kasih.

Selamat Maju Jaya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

T/T

NOR UYON BINTI SHOIB
Pengarah MARA Indonesia
Kedutaan Besar Malaysia
Jakarta

- sk. i. En. Ibrahim Bin Ahmad
 Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan)
 MARA
- ii. En. Mansor Bin Puteh
 Pengarah Kanan,
 Bahagian Penganjuran Pelajaran
 MARA